



SIARAN MEDIA

WORLD URBAN FORUM SESI KE-11 (WUF 11)
Katowice, Poland : 26 – 30 Jun 2022

SUMBANGAN MALAYSIA TERHADAP PENCAPAIAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) DIKTIRAF OLEH UN-HABITAT

KATOWICE, POLAND, 27 JUN 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan **Anugerah Tokoh Perancang Bandar kepada YBhg. Dato' Seri Paduka Maimunah Mohd Shariff, Pengarah Eksekutif UN-Habitat** pada hari ini bersempena dengan penglibatan delegasi Malaysia di Persidangan Antarabangsa – *World Urban Forum* Sesi ke-11 (WUF11) yang berlangsung mulai 26 hingga 30 Jun 2022 bertemakan “Transforming Our Cities, For A Better Urban Future”.

YBhg. Dato' Seri Paduka Maimunah Mohd Shariff telah dinobatkan sebagai Tokoh Perancang Bandar Malaysia sempena Sambutan 100 tahun Profesion Perancang Bandar Malaysia pada tahun 2021. Sehubungan itu, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican yang mengetuai delegasi Malaysia pada persidangan ini telah mengadakan kunjungan hormat bertemu beliau di Pejabat Pengarah Eksekutif UN-Habitat dan menyampaikan Anugerah Tokoh Perancang Bandar Malaysia tersebut.

YBhg. Dato' Seri Paduka Maimunah Mohd Shariff dipilih sebagai penerima anugerah tersebut di atas perkhidmatan cemerlang yang konsisten dalam bidang perancangan bandar, kegiatan luar perkhidmatan perancang bandar dan khidmat kepada masyarakat serta sumbangan berterusan sebagai perancang bandar kepada negara diperingkat antarabangsa. Beliau juga telah **diiktiraf di dalam ‘Malaysia Book Of Records’ sebagai Wanita Asia Pertama yang dilantik menjadi Pengarah Eksekutif UN-Habitat** pada tahun 2018.

Dalam pertemuan yang berlangsung selama hampir sejam itu, delegasi Malaysia dan UN-Habitat berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai usaha serta inisiatif semasa khususnya pasca pandemik ke arah mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampaan (SDG). Selain itu,

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican juga membincangkan potensi kerjasama yang lebih luas di antara Malaysia dan UN-Habitat melangkaui kerjasama sedia ada antaranya seperti Agenda Perbandaran Baharu (NUA), Perbandaran Mampan serta Kumpulan Rakan UN-Habitat. Di samping itu juga, YB Dato' Sri Reezal Merican juga menyatakan penghargaan terhadap beberapa projek UN-Habitat yang telah memilih Malaysia sebagai lokasi pelaksanaan seperti di Melaka dan Iskandar Malaysia.

Dalam pada itu, YBhg Dato' Seri Paduka Maimunah Mohd Shariff juga memuji usaha-usaha bersama serta komitmen yang diberikan oleh Malaysia terhadap UN-Habitat khususnya agenda Liveable Malaysia atau Malaysia Berdaya Huni. Beliau turut menawarkan program pembangunan kapasiti kepada golongan muda Malaysia menimba pengalaman sebagai pelatih di Ibu Pejabat UN-Habitat di Nairobi, Kenya atau mana-mana pejabat UN-Habitat di seluruh dunia melalui program Junior Professional Officer (JPO).

Sepanjang penganjuran WUF11 yang bermula hari ini, YB Dato' Sri Reezal Merican juga dijadual akan menyempurnakan Perasmian Pavilion Malaysia serta Pra-Pelancaran iDAM atau Indeks Daya Huni Malaysia pada 27 Jun 2022 dan turut menyampaikan ucapan di Sesi *SDGs in Action : Liveability as a Vehicle Towards Achieving Urban Sustainability*. Di samping itu, beliau turut dijadual mengadakan mesyuarat dengan rakan sejawat dari Mesir serta beberapa perbincangan dua hala melibatkan pasukan KPKT dengan Arab Saudi dan juga organisasi-organisasi antarabangsa yang turut terlibat di dalam penganjuran WUF11.

World Urban Forum kali ini melibatkan penyertaan kira-kira 20,000 orang peserta dari lebih 160 buah negara serata dunia dengan delegasi Malaysia disertai oleh 200 orang peserta dari lebih 50 agensi dan organisasi daripada peringkat nasional, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, para akademik, sektor swasta, badan profesional, dan organisasi masyarakat sivil.

Sebanyak 20 Jabatan dan Agensi juga turut terlibat sebagai pempamer di Pavilion Malaysia seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Semua PBT Negeri Selangor serta anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, METEOR Sdn. Bhd dan Open University Malaysia. Penglibatan kali kelima Malaysia pada World Urban Forum sejak tahun 2014 jelas menzahirkan komitmen dan sokongan Malaysia dalam memartabatkan agenda perbandaran yang mampan.

Penyertaan Malaysia dalam WUF11 ini merupakan usaha berterusan KPKT dalam memperkukuh agenda **“Liveable Malaysia”** atau **Malaysia Berdaya Huni** yang sememangnya selari dengan agenda global bagi menjamin kemampanan bandar dan kesejahteraan rakyat secara jangka

panjang. Ia merangkumi penyediaan rumah yang mencukupi dan mampu milik, menyediakan perkhidmatan bandar yang berkualiti, pengurusan sisa pepejal, memastikan kesejahteraan komuniti serta perancangan bandar yang mampan di Malaysia.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT
#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

